

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"DALAM masa yang sama, penglibatan orang ramai, penutup-penutup, pihak swasta dan NGOs, dikehendaki bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bagi sama-sama mengatasi isu dan penyebab pencemaran alam sekitar".

-Titah Sempena Tahun Baharu Masihi 2020.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.46 4.56 6.14 6.37 12.22 3.30 6.27 7.37

TAHUN 65 / BILANGAN 45

13 APRIL 2020 / 1441 شعبان 19

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

COVID-19 : Dua kes disahkan sembuh, 29 masih dirawat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Jumlah keseluruhan kes jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal sebanyak 136 kes setelah Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa tidak ada kes baharu yang disahkan pada hari ini.

Sementara itu, sebanyak dua lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang sembuh kepada 106 orang.

Ke muka 3

YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di negara ini.



STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 12 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN 136

JUMLAH KEMATIAN 1

JUMLAH KES YANG SEMBUH 106

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



Waktu operasi 24 jam setiap hari

Video tular menyatakan tidak ada sekatan, tidak benar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menjelaskan bahawa berikut dengan

tularnya satu video yang ditayangkan melalui Aplikasi YouTube, berkaitan dengan Kembara Borneo Miri / Limbang Part 40, di mana salah seorang penunggang menyatakan bahawa tidak ada sekatan bagi memasuki sempadan Negara Brunei Darussalam adalah tidak benar sama sekali.

Ke muka 4

Pelantikan Timbalan Setiausaha Tetap baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah

mengurniakan titah perkenan bagi Pengarah Pusat Penyelidikan, Perkembangan Sains dan Teknologi, Kementerian Pertahanan, Pengiran Doktor Haji Mohd. Esa Al-Islam bin Pengiran Haji Mohd. Yunus dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan.

Tarikh pelantikan pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai Isnin, 19 Syaaban 1441 bersamaan 13 April 2020.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



PEMBELAJARAN online :
Erat hubungan ibu bapa, pelajar, guru

Muka 7



PENDUDUK disarankan untuk terus beri kerjasama

Muka 8



INISIATIF pembelajaran dalam talian disambut baik

Muka 11



TINGKATKAN kemahiran berkomunikasi

Muka 21

BRC beri tumpuan berkhidmat kepada komuniti

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

SEGALA pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana berkat-Nya kita dapat berkumpul di sini hari ini pada pembukaan Kolokium Bulan Sabit Antarabangsa dan Pergerakan Bulan Sabit Merah dan Asas Utama Perundungan Kemanusiaan Antarabangsa (IHL). Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC) atas inisiatif menganjurkan kolokium ini.

Saya dengan sukacitanya mengambil maklum aktiviti BRC dan peranannya sebagai penolong pihak berkuasa awam dalam mempromosikan dan menyebarkan IHL. Saya juga dimaklumkan bahawa sejak tahun 2010, BRC semakin terlibat dalam aktiviti serantau Asia Tenggara dan menganjurkan acara serantau terutamanya mengenai pembangunan organisasi dan kesiapsiagaan bencana.

BRC juga menjalankan pelbagai aktiviti dan program pada peringkat kebangsaan. Beberapa aktiviti memberi tumpuan kepada berkhidmat kepada komuniti, contohnya aktiviti pertolongan cemas BRC, pengukuhan sukarelawan, pengurusan dan kesiapsiagaan menghadapi bencana dan kesediaan.

Saya juga gembira kerana BRC juga telah bekerjasama rapat dengan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Negara Brunei Darussalam di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebagai rakan strategik NDMC, BRC mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif kebangsaan dengan kerjasama NDMC seperti menyediakan bantuan dalam menerima dan mencatat rekod sumbangan awam kepada NDMC berikutnya operasi Typhoon Haiyan di Filipina pada tahun 2013, menyediakan bantuan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) dalam kegiatan banjir dan aktiviti pemulihan dan baru-baru ini terlibat dalam aktiviti kesiapan NDMC - Program Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana (DPC) yang dianjurkan pada bulan Ogos tahun lepas. Sehubungan ini, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap pada Perasmian Kolokium Bulan Sabit Antarabangsa dan Pergerakan Bulan Sabit Merah dan Asas Utama Perundungan Kemanusiaan Antarabangsa (IHL) pada 28 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 22 Februari 2020 Masihi di Akademi Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (BRC), Ibu Pejabat BRC.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan NDMC, saya ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas kepada

"KITA telah mengalami bencana alam dan bencana alam di rantau ini selama bertahun-tahun. Baru-baru ini, kita telah dikejutkan dengan wabak virus Corona. Oleh itu, adalah penting untuk mengekalkan dan mengukuhkan persediaan, mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan kita dalam menangani bencana dan mengukuhkan daya tahan masyarakat. Ini memerlukan kerjasama yang lebih rapat di antara agensi kerajaan, NGO dan komuniti".

BRC atas sokongan dan kerjasama dalam program ini. Saya berharap kerjasama pada masa ini boleh dikukuhkan lagi pada masa akan datang.

Sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan, saya ingin menggalakkan BRC untuk meneroka kemungkinan mengembangkan keanggotaannya terutama dalam kalangan pelajar dan belia untuk mewujudkan kesedaran dan pemahaman yang lebih besar mengenai visi dan misi BRC dalam membantu masyarakat pada masa tenang dan krisis. Kita hidup dalam dunia yang tidak menentu, tidak dapat diramalkan, menghadapi perubahan dan cabaran yang berterusan. Dengan penduduk yang kecil, semua orang adalah aset.

Kita telah mengalami bencana alam dan bencana alam di rantau ini selama bertahun-tahun. Baru-baru ini, kita telah dikejutkan dengan wabak virus Corona. Oleh itu, adalah penting untuk mengekalkan dan mengukuhkan persediaan, mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan kita dalam menangani bencana dan mengukuhkan daya tahan masyarakat. Ini memerlukan kerjasama yang lebih rapat di antara agensi kerajaan, NGO dan komuniti.

Sebelum saya membuat kesimpulan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan semua maju jaya dan berharap perbincangan dan maklumat yang dikongsi dalam kolokium hari ini dapat diterapkan dengan berkesan bukan hanya di tempat kerja tetapi juga kehidupan harian awda.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada BRC dan mengucapkan semoga berjaya atas usaha awda pada masa akan datang.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

13 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 19

LAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

SUDAH lebih sebulan negara berusaha dengan keras membendung penularan wabak COVID-19 yang sehingga ke hari ini belum lagi ada vaksin untuk meng治i penyakit ini.

Seluruh dunia dengan pelbagai langkah berusaha membendung penularan wabak ini di negara mereka di mana dengan kewujudan wabak ini banyak mengubah gaya kehidupan manusia termasuk menjelaskan dengan teruk ekonomi secara global. Semua gerak geri hendaklah sentiasa memastikan wabak ini dicegah dan tidak menular.

Antara nasihat yang sering dilaung-laungan ialah *social distancing* atau penjarakan sosial sekurang-kurangnya jarak satu meter di antara seorang individu. Ini adalah kerana mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), COVID-19 disebarluaskan melalui titisan cecair atau *droplet* yang terhasil daripada percikan air liur ketika bercakap atau batuk dan bukannya secara bawaan udara atau *airborne*.

Justeru kita dinasihatkan untuk sentiasa mencuci tangan menggunakan air yang bersih dengan kerap selama sekurang-kurangnya 20 saat setiap kali mencuci atau gunakan gel pembersih tangan beralkohol di mana isi kandungan alkohol hendaklah sekurang-kurangnya 70 peratus. Ini adalah disebabkan sebagai manusia kita kerap memegang atau menyentuh permukaan yang belum tahu tahap kebersihannya dan sering kali menyentuh muka. Maka adalah dinasihatkan untuk kerap membersihkan tangan sebagai salah satu langkah mencegah dari dijangkiti COVID-19.

Di samping itu, apabila hendak bersin, ikuti tatacara yang betul. Ini juga adalah antara kaedah untuk mencegah dari menyebarkan *droplet*.

Namun apa yang menyediakan masih juga terdapat individu-individu yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengamalkan penjarakan sosial. Sedarlah betapa pentingnya penjarakan sosial dan usaha penjarakan sosial ini ternyata boleh mengurangkan penyebaran COVID-19.

Sebagai ahli masyarakat, laksanakan tanggungjawab sosial. Kita perlu beringat bahwa dengan kecuaian seorang individu, ia mudah menjadi penyebab kepada merebaknya wabak. Kesannya bukan sahaja kepada individu berkenaan malahan ia juga boleh memberi kesan kepada ahli keluarga, rakan, komuniti setempat dan malahan juga kepada negara. Kita tidak mahu ini terjadi. Kita mahu dengan sedaya upaya untuk kembali kepada norma kehidupan yang kita ketahui dan kenali dahulu.

Namun tidak dinafikan, kehidupan tidak lagi akan sama seperti dahulu. Justeru, kita hendaklah bersatu dan berikan sokongan padu kepada kerajaan dengan melaksanakan tanggungjawab sosial dalam sama-sama membendung penularan wabak ini.

Satu lagi yang hendak ditekankan di sini ialah memastikan tidak menyebarkan berita-berita palsu atau tidak sah. Dalam apa jua keadaan sekalipun, apakah lagi pada masa ini dalam menghadapi COVID-19, jangan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Penyebaran berita-berita palsu setentunya boleh mewujudkan keadaan yang huru-hara, panik dan lain-lain lagi.

Ingatlah, menyebarkan maklumat palsu dan tidak sah kepada orang awam merupakan satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah undang-undang negara ini menurut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Chap 148) yang boleh dikenakan denda BND3,000 dan hukuman penjara sehingga tempoh tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Akhir sekali, teruskan amalan kebersihan dan sikap berjaga-jaga. Terus menjadi individu bertanggungjawab dengan mematuhi arahan-arahan yang diberikan. Ini semua adalah demi untuk kesejahteraan kita semua jua.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C	33 °C	34 °C
25 °C	25 °C	26 °C
/ / / /	/ / / /	/ / / /
PEKAN BANGAR		
31 °C	34 °C	34 °C
25 °C	24 °C	25 °C
/ / / /	/ / / /	/ / / /
PEKAN TUTONG		
32 °C	33 °C	33 °C
25 °C	26 °C	26 °C
/ / / /	/ / / /	/ / / /
KUALA BELAIT		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	26 °C
/ / / /	/ / / /	/ / / /

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
13	ISNIN	19	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27 7.37
14	SELASA	20	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27 7.37
15	RABU	21	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27 7.37
16	KHAMIS	22	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27 7.37
17	JUMAAT	23	4.44	4.54	6.13	6.35	12.21	3.31	6.27 7.37
18	SABTU	24	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27 7.37
19	AHAD	25	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27 7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS	POLIS	BOMBA	PENYELAMAT	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC
114	991	993	995	998	123	2380214

COVID-19 : Dua kes disahkan sembuh, 29 masih dirawat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Perkara demikian dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, ini bermakna, pada ketika ini, terdapat 29 lagi kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, di mana dua orang masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO) dan bantuan mesin pernafasan,

manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga tambah Yang Berhormat, jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 ialah sebanyak 2,334 orang dan hanya 66 orang sahaja yang masih menjalani kuarantin.

Sementara itu juga jelas Yang Berhormat lagi, setakat hari ini, seramai 1,142 orang telah menamatkan tempoh pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh kerajaan setelah pulang ke negara ini selepas melakukan perjalanan antarabangsa dan dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 247 buah sampel telah diuji bagi virus



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 9,884 ujian.



akaun e-darussalam

Akaun e-darussalam awda adalah gerbang awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan secara online seperti memperbaharui lesen memandu dan kenderaan awda, memohon lesen perniagaan, memohon jawatan kosong dan banyak lagi.

Cara-cara untuk mendaftar dan mengaktifkan akaun e-darussalam awda:

- 1  Layari www.gov.bn
Klik 'Daftar Sekarang' untuk memulakan pendaftaran
- 2  Isikan borang pendaftaran dengan lengkap
- 3  Semak emel awda.
Awda akan menerima emel mengenai tatacara untuk mengaktifkan akaun e-darussalam awda.
- 4  Untuk mengaktifkan akaun awda, taip 'Aktifkan akaun e-darussalam saya' dan sertakan gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan awda, kemudian hantar ke TD123 melalui:
- Whatsapp Live Chat (8333123)
atau
- Emel (info@123.com.bn)
- 5  TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika:
- Gambar awda sepadan dengan gambar dalam kad pengenalan awda
- Nombor dan nama dalam kad pengenalan awda kelihatan jelas
*Tertakluk pada [Terma dan Syarat](#)
- 6  TD123 akan mengaktifkan akaun e-darussalam awda jika semua terma dan syarat adalah dipenuhi. Setelah pengaktifan selesai, kata laluan bagi akaun e-darussalam awda akan dihantar melalui emel.

Untuk keterangan lanjut, layari www.gov.bn atau hubungi Talian Darussalam 123

**gov
.bn**

MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Amalkan penjarakan fizikal semasa bersukan, riadah

Dalam membuat kegiatan aktiviti fizikal dan bersukan seperti di stadium atau di tempat rekreasi, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan menghindarkan daripada berkumpul sama ada sebelum, semasa dan selepas membuat aktiviti fizikal dan bersukan.

Kesemua langkah yang sedang dilaksanakan tersebut adalah semata-mata untuk memastikan wabak COVID-19 dapat terus dikawal, di samping untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Hargai sokongan, kerjasama rakan media kerajaan, swasta

Pengamal media memainkan peranan yang sangat penting dalam penyebaran maklumat yang tepat, terkini, sahih dan penting kepada orang ramai, lebih-lebih lagi maklumat yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19, khusus bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menyokong dan memberi maklumat yang betul dan penting yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19 di negara ini.

Pengiraan tempoh 28 hari dikira semula jika ada penularan baru

Pengiraan tempoh 28 hari tidak dikira semula dari awal meskipun terdapat satu kes jangkitan di negara ini pada 10 April 2020. Hal ini kerana kes tersebut dikira kes import, di mana ia terus diasingkan di tempat pengasingan yang ditentukan oleh pihak kerajaan.

Pengiraan 28 hari itu masih lagi seperti biasa, bukan dikira semula (*reset*) namun untuk pengiraan semula ia mesti ada penularan baru dikira semula walaupun *limited spread*.

Jika sesuatu wabak hanya akan diisyitiharkan tamat apabila tidak ada kes lagi dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan, di mana bagi COVID-19 ini, ia menjadi dua kali ganda, iaitu selama 28 hari.

14 hari pengasingan diri di rumah

Kementerian Kesihatan sekarang menukar dasar bagi mereka yang telah disahkan sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah untuk menjalani pengasingan diri selama tempoh 14 hari lagi di rumah masing-masing dan akan menjalani ujian makmal bagi virus SARS-CoV-2 mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sebar maklumat tidak sahih boleh dipenjara, denda!

Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di bawah Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Jangan mudah terpedaya, percaya

Orang ramai adalah juga dinasihat untuk tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarluaskan melalui internet atau melalui media-media lain seperti Aplikasi WhatsApp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya. Orang ramai juga diingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarluaskan sebarang perkara yang tidak benar.

Warga asing tidak dibenarkan masuk tanpa kebenaran

Pihak kerajaan melaksanakan sekatan perjalanan atau *travel restriction* terhadap kemasukan warganegara asing bagi membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Untuk itu, sekatan perjalanan bagi mana-mana warganegara asing telah berkuatkuasa bermula pada Selasa, 24 Mac 2020, di mana setiap warganegara asing yang hendak masuk ke negara ini, termasuklah mereka yang transit hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui info@immigration.gov.bn. Tanpa kebenaran yang berkenaan, tidak akan ada warganegara asing dibenarkan masuk ataupun transit.

TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148

Waktu Operasi 24 jam setiap hari

Video tular menyatakan tidak ada sekatan, tidak benar

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Yang Berhormat berkata, perkara ini penting diperjelaskan dalam mana negara kita sedang berhadapan dengan penularan jangkitan wabak COVID-19, di mana pihak Kerajaan telah melaksanakan sekatan perjalanan atau *travel restriction* terhadap kemasukan warganegara asing bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

"Untuk itu, sekatan perjalanan bagi mana-mana warganegara asing telah berkuat kuasa bermula pada Selasa, 24 Mac 2020, di mana setiap warganegara asing yang

hendak masuk ke negara ini termasuklah mereka yang transit hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui info@immigration.gov.bn. Tanpa kebenaran yang berkenaan, tidak akan ada warganegara asing dibenarkan masuk ataupun transit," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dalam masa yang sama jelas Yang Berhormat, hasil penyiasatan yang telah dilakukan ke atas *footage* atau rakaman video tersebut, mendapati pengembalaan

merentas sempadan Pos Kawalan berkenaan dilakukan pada Isnin, 16 Mac 2020, iaitu sebelum berkuat kuasanya sekatan-sekatan perjalanan (*travel restrictions*) yang dijalankan oleh pihak JIPK.

Dalam pada itu tambah Yang Berhormat, pihak JIPK akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkenaan di negara ini bagi mengambil tindakan-tindakan yang berpatutan ke atas pihak-pihak atau individu-individu tertentu berkaitan penularan video atau rakaman ini.

"JIPK juga ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya dengan maklumat yang disebarluaskan melalui mana-mana aplikasi media sosial tanpa memastikan

kesihatan maklumat yang disebarluaskan terlebih dahulu. Di samping itu juga, JIPK memohon mana-mana individu yang menerima mesej tular tersebut supaya menghentikan penyebarannya kerana boleh mengelirukan orang awam," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, JIPK ingin mengingatkan bahawa menyebarkan maklumat palsu dan tidak sahih kepada orang awam merupakan satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Chap 148) yang boleh dikenakan denda sebanyak BND3,000 dan hukuman penjara sehingga tempoh tiga tahun, jika sabit kesalahan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.

"HASIL penyiasatan yang telah dilakukan ke atas 'footage' atau rakaman video tersebut, mendapati pengembalaan merentas sempadan Pos Kawalan berkenaan dilakukan pada Isnin, 16 Mac 2020, iaitu sebelum berkuat kuasanya sekatan-sekatan perjalanan (*travel restrictions*) yang dijalankan oleh pihak JIPK".

Satu kes sembahu didapati positif semula COVID-19

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Salah seorang daripada kes yang sembahu dan dibenarkan pulang ke rumah dimasukkan kembali ke Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi penyiasatan lanjut kerana mengalami simptom dan didapati positif semula COVID-19.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa dengan itu, Kementerian Kesihatan sekarang menukar dasar bagi mereka yang disahkan sembahu dan dibenarkan pulang ke rumah untuk menjalani pengasingan diri selama tempoh 14 hari lagi di rumah masing-masing dan akan menjalani ujian makmal bagi virus SARS-CoV-2 mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Ini adalah sebagai susulan rawatan yang diberikan kepada mereka yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan berkenaan," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Jelas Yang Berhormat lagi,



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media tersebut.

mana-mana kes yang didapati positif semula akan dimasukkan kembali ke Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi penyiasatan dan rawatan lanjut.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi terus Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa sahaja) atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.


**TALIAN NASIHAT
KESIHATAN
COVID-19**
148
 waktu operasi :
24 JAM SETIAP HARI
 powered by:


COVID-19 : Kes yang sembuh terus dipantau



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa semua pesakit yang sembuh daripada Jangkitan COVID-19 perlu menjalani ujian sebanyak dua kali sekurang-kurangnya 24 jam jaraknya atau lebih dan kedua-dua ujian mestilah negatif sebelum dibenarkan pulang.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam dan China telah membuat tambahan hari isolasi lagi mulai hari ini, iaitu daripada tujuh hari diubah menjadi 14 hari, khususnya terhadap kes pesakit yang telah sembuh.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, laporan mengenai masalah ini juga ada dibuat di China, Korea dan Jepun, malah seperti mana yang diketahui juga ia merupakan *novel virus*, di mana pada masa ini kita masih perlu memahami bagaimana virus itu berfungsi.

Justeru, kita perlu memantau pesakit yang sudah sembuh dan akan dibenarkan pulang dan melalui ini juga, ujian akan dilewati sedikit bagi pesakit-pesakit yang sudah sembuh agar dapat mengetahui mereka yang didapati positif semula.

Mengenai dengan jangkitan

wabak COVID-19, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ia menjelaskan paru-paru pesakit, di mana pada awalnya pesakit boleh bernafas seperti biasa, namun setelah lama, paru-paru akan mengeras menjadikan pertukaran oksigen akan terbantut dan menyebabkan kesesakan nafas.

Sehubungan itu, pesakit akan diberikan bantuan mesin pernafasan dan ditambah dengan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO) untuk menambahkan oksigen di dalam darah, namun penyembuhan paru-paru terpolung kepada badan pesakit masing-masing.

Ketika menjawab mengenai ujian rambang yang dijalankan kepada pekerja asing, Yang Berhormat berkata, kementeriannya telah pun membuat beberapa ujian rambang, terutama sekali yang paling awal dipantau adalah pembersih-pembersih di hospital-hospital dan termasuk pekerja-pekerja lain dalam memastikan tidak ada yang terlepas membawa jangkitan virus berkenaan.

Jangan mudah terpedaya dengan berita tular yang tidak berdasas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata bahawa sejak kes pertama jangkitan wabak COVID-19 dilaporkan di Negara Brunei Darussalam, didapati banyak berita palsu dan mengelirukan tular di media-media sosial.

Yang Berhormat menjelaskan, di samping tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, berita-berita sedemikian hanya bertujuan untuk menakut-nakutkan orang ramai hingga menyebabkan orang ramai cemas dan panik.

"Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sah, apakah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di bawah Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu

sesiapa yang, sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menambah bahawa orang ramai adalah juga dinasihat untuk tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarluaskan melalui *internet* atau melalui media-media lain, seperti Aplikasi WhatsApp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya.

Jelasnya lagi, orang ramai juga diingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarkan sebarang perkara yang tidak berbasas.



MAKLUMAN PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN/PENCEN TURUNAN (BALU DAN TANGGUNGAN) MELALUI BANK

1 MUAT TURUN & ISI BORANG YANG DIPEROLEHI DARI **WWW.MOFE.GOV.BN**

2 IMBAS (SCAN) ATAU **BORANG**
KAD PINTAR
NOMBOR AKAUN BANK

3 HADAPKAN MELALUI APPLIKASI WHATSAPP ATAU E-MEL:



7373222



PENCEN@TREASURY.GOV.BN

COVID-19 : Tiada kes baharu, waspada ancaman kemasukan virus luar



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang setelah tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan pada hari ini.

Perkara itu dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sebanyak lima lagi kes yang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah, membawa jumlah keseluruhan yang sembuh menjadi 104 orang.

Tambahnya, pada ketika ini, terdapat 31 kes aktif yang masih dirawat di Pusat tersebut, di mana dua orang masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO) dan bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Di samping itu, Yang Berhormat menjelaskan pada hari ini juga,

Pengiraan 28 hari masih berterusan tiada reset, kecuali ada penularan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar berkata, "Seperti yang kita faham, selama ini kita mendapati tidak ada kes (*zero cases*) jangkitan selama lima hari dan kelmarin, ada terdapat satu kes jangkitan, akan tetapi kes kelmarin itu dikira kes import, di mana ia terus diasingkan di tempat pengasingan yang ditentukan oleh pihak kerajaan".

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu semasa menjawab

soalan yang diajukan oleh wakil daripada pihak media mengenai adakah pengiraan tempoh 28 hari itu dikira semula daripada awal, memandangkan lima hari yang lepas tiada jangkitan kes (*zero cases*) akan tetapi, kelmarin terdapat satu kes jangkitan di negara ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat seterusnya

menjelaskan, "Pengiraan 28 hari itu masih lagi seperti biasa, bukan dikira semula (*reset*)".

Untuk pengiraan semula terangnya, ia mesti ada penularan walaupun *limited spread*, barulah akan dikira semula.

Dalam pada itu, seperti lazimnya, jika sesuatu wabak hanya akan diisytiharkan tamat apabila tidak ada kes lagi dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan, di mana bagi COVID-19 ini, ia menjadi dua kali ganda, iaitu selama 28 hari.

Kesemua langkah yang sedang dilaksanakan itu katanya, adalah

menjelaskan, "Pengiraan 28 hari itu masih lagi seperti biasa, bukan dikira semula (*reset*)".

Untuk pengiraan semula terangnya, ia mesti ada penularan walaupun *limited spread*, barulah akan dikira semula.

Dalam pada itu, seperti lazimnya, jika sesuatu wabak hanya akan diisytiharkan tamat apabila tidak ada kes lagi dilaporkan dalam masa dua kali tempoh inkubasi jangkitan, di mana bagi COVID-19 ini, ia menjadi dua kali ganda, iaitu selama 28 hari.

Pengamal media berperanan penting salur maklumat terkini, sahih, tepat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Pengamal media memainkan peranan yang sangat penting dalam penyebaran maklumat yang tepat, terkini, sahih dan penting kepada orang ramai, lebih-lebih lagi maklumat yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19, khusus bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Untuk itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji

Jaafar melahirkan penghargaan kepada rakan-rakan media daripada sektor kerajaan dan bukan kerajaan yang banyak memberikan sokongan dan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang betul dan penting yang berkaitan dengan jangkitan COVID-19, khusus bagi NBD," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan media

dari sektor kerajaan dan bukan kerajaan yang banyak memberikan sokongan dan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang betul dan penting berkaitan dengan jangkitan COVID-19, khusus bagi NBD," ujar Yang Berhormat pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

semata-mata untuk memastikan wabak COVID-19 dapat terus dikawal, di samping untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Sementara itu katanya, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 295 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 9,637 ujian.

"Walaupun hari ini Negara Brunei Darussalam tidak melaporkan sebarang kes baharu COVID-19, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus menerus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan.

"Orang ramai adalah juga sekali lagi diingatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang ada pada masa sekarang, yang mana dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204," ujar Yang Berhormat menegaskan.

Sehubungan dengan ini katanya lagi, di dalam membuat kegiatan aktiviti fizikal dan bersukan, seperti di stadium atau tempat rekreasi, diingatkan lagi untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal dan menghindarkan daripada berkumpul, sama ada sebelum, semasa dan selepas membuat aktiviti fizikal dan bersukan.

Kesemua langkah yang sedang dilaksanakan itu katanya, adalah

"Negara kita masih berada di bawah ancaman kemasukan virus ini dari luar negara dan risiko penularan jangkitan virus ini masih tinggi," ujarnya lagi.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi terus ke Talian Nasihat Kesihatan 148 (pada bila-bila masa) atau melalui aplikasi healthinfo.gov.bn.



LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN JANGKITAN DI TEMPAT KERJA KETIKA WABAK

Sebagai Majikan, Awda perlu:

1

AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN DAN CARA PENYEBARANNYA

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian sekitar pejabat awda

2

GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK MENGAMALKAN KEBERSIHAN

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barang peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

3

NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK TIDAK DATANG BEKERJA DAN BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA MERASA KURANG SIHAT

4

LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG MEMPUNYAI SIMPTOM

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

5

PEKERJA YANG DIKUARANTIN (MENJALANI PENGASINGAN DIRI)

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketiadaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkapi tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

Pembelajaran online : Erat hubungan ibu bapa, pelajar, guru



DAYANG Farzanah binti Mohd. Noor yang menuntut di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong semasa ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Susulan penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda negara ini, Kementerian Pendidikan dengan nasihat Kementerian Kesihatan mengambil langkah dalam meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah bagi memastikan kesihatan juga keselamatan para pelajar adalah terjaga dan terhindar daripada sebarang kemungkinan jangkitan.

Justeru, Kementerian Pendidikan memperkenalkan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

sistem sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (*online*) untuk semua sekolah-sekolah rendah, menengah, pusat tingkatan enam, sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan juga sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), sekolah-sekolah swasta bermula sejak 30 Mac lalu.

Bagi sekolah-sekolah antarabangsa, pengajaran dan pembelajaran *online* pula bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh institusi masing-masing.

Menurut, Dayang Hajah Masnani binti Haji Metusin bersama suaminya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Aliuddin, inisiatif pembelajaran di rumah disambut baik kerana para ibu bapa atau pengjaga dapat mengetahui sejauh mana perkembangan pembelajaran anak-anak mereka, di samping memantau pembelajaran mereka.

Melalui pembelajaran di rumah, jelasnya lagi, akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan, bukan sahaja bagi para pelajar, bahkan kepada ibu bapa, yang sekali gus menimba ilmu juga pengalaman menerusi pengajaran anak-anak mereka.

"Sejak bermula sistem

pembelajaran di rumah lagi, kami selaku ibu bapa turut berusaha untuk membantu guru dalam menyediakan apa jua keperluan anak-anak kami, semata-mata untuk memudahkan pembelajaran dan pelajaran mereka secara dalam talian (*online*)," tambahnya semasa ditemui di Kampung Rimba, Gadong.

Sementara Dayang Farzannah binti Mohd. Noor yang menuntut di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong pula berkata, pembelajaran di rumah (*online learning*) memang perkara yang sangat baik dan wajar dilakukan kerana kita digalakkan untuk membuat penjarakan sosial bagi membendung penularan jangkitan wabak COVID-19.

"Saya tidak ada masalah belajar dengan kaedah ini kerana waktu belajar adalah fleksibel dan semasa belajar kami boleh berinteraksi bersama cikgu secara *online*," ujarnya.

Sehubungan itu, para pelajar adalah dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara *online* melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing, sama ada melalui e-mel, Google Docs, Aplikasi WhatsApp, Video Conference, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi



DAYANG Hajah Masnani binti Haji Metusin bersama suaminya, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Aliuddin menyambut baik inisiatif pembelajaran di rumah.

telekomunikasi bersesuaian.
Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah terus menghubungi Pusat

Gerakan COVID-19 Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2382396 pada waktu pejabat sahaja.



SESI pembelajaran di rumah adalah bagi memastikan kesihatan dan keselamatan para pelajar terjaga dan terhindar daripada sebarang kemungkinan jangkitan.



JURULATIH Kecergasan, Awang Aslan bin Bujang ketika ditemu bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Kesedaran umum mengenai kepentingan bersenam semakin meningkat hari demi hari walaupun sekarang negara berada dalam situasi pandemik wabak COVID-19.

Sesetengah individu ingin kekal sihat walaupun berada di rumah, seperti yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan, untuk sentiasa berada di rumah jika tidak mempunyai urusan apa-apa di luar bagi mengelakkan penularan wabak.

Menurut Jurulatih Kecergasan, Awang Aslan bin Bujang, bagi mengekalkan tahap kecergasan tubuh dan mengurangkan masalah lesu atau sakit-sakit badan,

Kekal sihat di rumah bersama keluarga

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

sebaik-baiknya lakukan senaman ringan selama 30 minit setiap hari.

Katanya, pilihan jenis senaman sangat penting untuk memastikan setiap rutin yang dipilih dapat dilakukan dengan tepat bagi membantu mengelakkan rasa lesu, mengantuk, letih, tegang urat dan sakit-sakit badan.

Antara senaman yang boleh dilakukan, tambahnya, adalah lompat bintang, tekan tubi, bangkit tubi, *squat*, berdiri di atas kerusi dan lain-lain dengan menggunakan peralatan sedia ada di rumah, seperti kerusi atau barang peralatan gim adalah bonus.

Senaman boleh dilakukan bersama isteri dan anak-anak juga ahli keluarga yang lain, katanya, untuk sama-sama mengekalkan cara hidup yang sihat.

"Senaman ringan ini tidak melibatkan ruang besar di rumah. Pemilihan makanan berkhasiat juga penting kerana keberadaan di rumah akan mendorong seseorang untuk kerap makan. Kita akan kerap mencari makanan bagi mengatasi rasa bosan ditambah dengan kurangnya pergerakan, kawalan berat badan akan menjadi

sangat susah untuk diatasi," jelasnya.

Beliau juga mengongsikan berkenaan pengambilan makanan, di mana kita perlu mengurangkan kadar gula dan karbohidrat dalam



MENGEKALKAN tahap kecergasan

pemakanan dan banyakkan protein juga banyak minum air kosong.

Beliau turut menasihatkan supaya tidur mencukupi dan tidak terlalu lama untuk mengelak badan lemah, selain mengurangkan menonton televisyen dan melihat telefon bimbit terlalu lama kerana mata akan stres juga sakit kepala.



tubuh dengan melakukan senaman sebaik-baiknya selama 30 minit

semua ini dilakukan demi memastikan kesihatan berada pada tahap terbaik, terutama apabila usia semakin meningkat.

Selain untuk sihat, ramai bersenam untuk mengekalkan kecantikan diri dan meningkatkan kecerdasan, terutama mengelakkan keletihan juga lesu badan.

Penduduk disaran untuk terus beri kerjasama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminul Adi Azrie Pg. Haji Nikman

SERASA, Ahad, 12 April. - Penularan jangkitan wabak COVID-19, khususnya di seluruh dunia nampaknya semakin membimbangkan. Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali dilanda wabak berkenaan dan hingga ke hari ini mencatat 136 kes jangkitan dengan 106 kes telah sembuh.

Sejak kebelakangan ini, alhamdulillah Negara Brunei Darussalam tidak mencatat kes baharu jangkitan wabak COVID-19, namun Kementerian Kesihatan tetap terus mengingatkan kepada orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan, kebersihan diri juga meningkatkan kewaspadaan.

Penularan jangkitan wabak COVID-19 di seluruh dunia mencetuskan kegelisahan, terutama dalam kalangan penduduk dunia, malah pihak hospital terus bersiap siaga dalam menangani penularan dan pencegahan jangkitan wabak berkenaan, situasi berkenaan turut dialami oleh Negara Brunei Darussalam. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan jangkitan wabak COVID-19 sebagai pandemik dan hingga ke hari ini sekitar setengah juta orang penduduk dunia dijangkiti wabak berkenaan.

Penularan jangkitan wabak COVID-19 ketika ini menyebabkan penduduk di negara ini perlu menyesuaikan diri dengan keadaan semasa kerana sesuatu yang belum pernah dialami sebelumnya. Apa yang penting kita tidak perlu panik dan melakukan sesuatu yang boleh mencetuskan

suasana yang boleh mengundang reaksi yang lebih teruk.

Sebaliknya, dengan kesempatan ini, orang ramai perlu memanfaatkan masa yang terluang dengan memperbanyak sembahyang sunat, berdoa dan sentiasa menjaga kebersihan diri, iaitu dengan sentiasa mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer*.

Berikutnya dengan situasi yang mencabar ketika ini, ia bukan masanya untuk menudung jari terhadap mana-mana pihak. Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk terus mengamalkan langkah-langkah kewaspadaan dan pencegahan.

Orang ramai disarankan untuk sentiasa mengikuti arahan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan dari masa ke masa dan sentiasa membawa bersama, penutup mulut dan hidung (*mask*) juga bahan pencuci tangan, seperti *hand sanitizer*.

Dalam masa yang sama, orang ramai dinasihatkan untuk tidak mengunjungi tempat tumpuan orang ramai dan bergaul dengan individu yang mempunyai gejala penyakit berkenaan. Jika ada ahli keluarga yang mengalami demam panas atau gejala jangkitan pernafasan dalam tempoh 14 hari, segera mendapatkan rawatan di hospital atau klinik yang berdekatan.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa ingat mengingati dan mengambil langkah berjaga-jaga. Sokongan dan kerjasama daripada orang ramai selama ini akan menjadi sia-sia jika tidak ada dorongan dan tanggungjawab daripada orang ramai untuk mendengar nasihat dan saranan daripada pihak



RISIKO penularan jangkitan wabak COVID-19 masih wujud, dengan itu orang ramai mestilah terus memberikan kerjasama untuk membendungnya.

kerajaan. Kita perlu berkurban sedikit masa bagi membendung penularan jangkitan wabak ini daripada terus berleluasa.

Perlu diingat juga risiko penularan masih wujud walaupun ia terkawal. Jika kita leka, keadaan boleh berubah dengan sekilip mata sahaja dan kejadian yang tidak diingini, seperti *lockdown* mungkin terjadi. Kita perlu melakukan langkah berjaga-jaga termasuk terus mengamalkan penjarakan sosial dan fizikal (*social and physical distancing*).



AMALKAN kebersihan, dengan selalu mencuci tangan dan pemakaian penutup mulut dan hidung (*mask*).



JADILAH PENGGUNA BIJAK

Gunakan aplikasi kami



SmartConsumer / PenggunaBijak

01

Aduan pengguna

02

Price Comparison*

03

Maklumat jualan murah dan diskau

04

Ketahui mengenai pelindungan pengguna dan kawalan harga

05

Harga maksimum terkini bagi barang dikawal harga

Harga di dalam Price Comparison adalah harga barang keperluan asasi harian yang diterima daripada peruncit yang ikut serta dalam inisiatif ini. Harga-harga berkenaan adalah bebas daripada campur tangan Jabatan, melainkan barang yang dikawal harga oleh agensi-agensi kerajaan.

Maklumat lanjut mengenai aplikasi ini dan bahan-bahan pelindungan pengguna yang lain boleh diperolehi dengan melayari: www.jpes.gov.bn/cad

Kempen derma peralatan komputer sokong pembelajaran dalam talian

Siaran Akhbar :
Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan

dan Infokomunikasi dan Kementerian Pendidikan, akan menjalankan kempen derma peralatan komputer untuk menyokong pembelajaran dalam talian (*online learning*) bagi penuntut-penuntut sekolah.

Sejak 30 Mac 2020 lalu, Kementerian Pendidikan memperkenalkan pembelajaran dalam talian (*online*) bagi semua pelajar sekolah-sekolah rendah dan menengah juga penuntut di institut-institut pengajian tinggi seluruh negara.

Seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan di Sidang Media bagi Situasi Terkini

Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang diadakan pada 9 April 2020, pembelajaran dalam talian akan dilanjutkan hingga 14 Mei 2020. Menurut Kementerian Pendidikan, terdapat kira-kira 52,000 pelajar yang sedang menuntut di sekolah-sekolah rendah, menengah dan pusat tingkatan enam kerajaan di seluruh negara.

Bagi menyokong inisiatif pembelajaran dalam talian ini dan membantu para pelajar yang memerlukan peralatan ICT, orang ramai, sektor swasta juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dialu-alukan untuk sama-sama menderma komputer, komputer riba dan tablet, sama ada baharu atau terpakai, supaya dapat memberi peluang pembelajaran yang sama dan berterusan kepada semua pelajar.

Dua buah tempat penerimaan derma peralatan ICT dikenal pasti. bagi Daerah Brunei dan Muara, peralatan tersebut boleh dihantar ke Blok A, Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, manakala bagi Daerah Belait pula, penerimaan derma akan diadakan di Kampus IBTE Jefri Bolkiah, Kuala Belait. Pendermanan peralatan ICT bermula pada Isnin, 13 April 2020 hingga Kamis, 14 Mei 2020, dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang, kecuali pada Jumaat, Ahad dan hari kelepasan awam. Manakala di bulan Ramadan, waktu untuk menerima derma adalah dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang pada hari yang sama.

Pihak AITI akan menjalankan pemeriksaan ke atas peralatan-peralatan komputer yang disumbangkan bagi memastikan ia memenuhi spesifikasi minima yang diperlukan. Peralatan yang didermakan akan diperbaharui melalui proses diagnosis sistem, format semula dan pemasangan aplikasi tertentu bagi tujuan pembelajaran dalam talian.

Proses ini akan dikendalikan pelatih-pelatih kerja ICT yang

terdiri daripada graduan-graduan yang mencari pekerjaan dan mempunyai kelayakan HNTec dan Diploma dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan ICT juga memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Peralatan yang diperbaharui akan diedarkan dengan bantuan pihak Kementerian Pendidikan.

Bagi menyokong para pelajar dengan pembelajaran dalam talian, spesifikasi minima peralatan ICT yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

A. Komputer dan komputer riba

- Processor - 2.0GHz;
- Memory - 4GB RAM;
- Hard Disk - 250 GB;
- Operating System - Win 10 / 8.1;
- Graphics - Sekurang-kurangnya 128MB Graphics Memory;
- Network - Wireless Connectivity; dan
- Others - Keyboard, Built-in Camera, Speaker & Microphone berfungsi dengan baik.

B. Tablet

- Operating System - Android 5.0 dan ke atas / iOS 11 dan ke atas.

Dengan adanya peralatan ICT itu nanti, adalah diharapkan para pelajar akan mendapat manfaat sepenuhnya daripada pembelajaran dalam talian. Dalam pada itu, inisiatif ini juga dapat mendedahkan para pelatih kepada pengalaman bekerja dan memperoleh kemahiran yang *marketable*.

Kejayaan kempen derma ini hanya akan dapat dicapai melalui Whole of Nation Approach dengan sokongan padu daripada para pelajar, ibu bapa, kementerian-kementerian, akademia, sektor swasta, NGO dan orang ramai.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi +673 736 2955 / +673 741 0106 / +673 741 0107 / +673 741 0108 (pada waktu bekerja sahaja) atau e-mel ke info@aiti.gov.bn.

Inisiatif oleh
 
AI AITI


MTIC MINISTRY OF TRANSPORT AND INFORMATION TECHNOLOGY INDUSTRY OF BRUNEI DARUSSALAM


كميترین قندیديقن MINISTRY OF EDUCATION BRUNEI DARUSSALAM

KAMI MEMERLUKAN

KOMPUTER, KOMPUTER RIBA DAN TABLET

MARILAH KITA BERSAMA MEMBERI IMPAK

BAGI MENYOKONG PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

Marilah bersama-sama kita menyumbang ke arah pendidikan para pelajar yang memerlukan. Dermakanlah komputer, komputer riba dan tablet awda (baru atau terpakai).

Tempat Penerimaan Derma & Waktu Buka

IBTE School of ICT Block A, Saiful Rijal Campus (bersebelahan Maktab Sains PSBS)	DARI 13 APRIL - 14 MEI HINGGA
	ISNIN - KHAMIS & SABTU 8:30 PAGI - 12:00 TENGAH HARI 2:00 PETANG - 4:00 PETANG
	Waktu di Bulan Ramadhan Isnin - Khamis & Sabtu 8:30 pagi - 1:30 petang

Sila pastikan peralatan awda memenuhi spesifikasi minima seperti berikut:



Spesifikasi minima untuk komputer dan komputer riba

Processor 2.0GHz
Memory 4GB RAM
Hard Disk 250 GB
Operating System Win 10 / 8.1
Graphics Sekurang-kurangnya 128MB
Network Wireless Connectivity
Others Keyboard, Built-in Camera, Speaker & Microphone berfungsi dengan baik



Spesifikasi minima untuk tablet

Operating System Android 5.0 dan ke atas / iOS 11 dan ke atas

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian **736 2955 / 741 0106 / 741 0107 / 741 0108** (semasa waktu bekerja) atau emel ke info@aiti.gov.bn.

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN

<https://t.me/govbnofficial>

atau imbas QR code



Gubahan lagu naikkan semangat frontliners negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ihsan Guardian of Rhythm, Awang Omar Haji Abd. Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Negara Brunei Darussalam seperti negara lain juga terkesan berikutnya penularan jangkitan wabak COVID-19 yang mula disahkan melanda negara ini sejak 9 Mac lalu dan dari situ kita saksikan pelbagai pihak berwajib bertungkus lumus mengerahkan usaha dalam membendung jangkitan wabak daripada berleluasa.

Selain daripada arahan-arahan yang diarahkan, inisiatif penerbitan buku zikir dan doa, bakat muda juga menghasilkan lagu demi memupuk kesedaran orang ramai dan yang utama bagi membangkit semangat para pejuang barisan hadapan (*frontliners*) yang berhempas pulas dalam merawat para pesakit yang terjangkit daripada penularan jangkitan wabak berkenaan.

Sehubungan itu, *Guardian of Rhythm* tampil dengan lagu mereka 'Don't Push It' dengan kolaborasi idea penerbit mereka, Spook dari Hepta Records untuk mencipta lagu, terutama buat *frontliners* yang mencetuskan idea mereka mula menggubah, mencipta dan menyusun muzik sejak pertengahan Mac lalu.

Hampir tiga minggu,

'Don't Push It' dendaran duo anak muda tempatan yang dianggotai oleh KhaiTanda and Bearto siap merakamkan suara, kemudian memuat naik di YouTube dan alhamdulillah beberapa jam sahaja dimuat naik terus mendapat perhatian daripada hampir enam ribu penontonnya.

Antara mesej lagu tersebut adalah untuk memberikan lagi sokongan moral kepada para barisan hadapan negara, di samping memberi peringatan kepada kita yang beragama Islam agar terus memanjatkan doa juga taat kepada arahan dalam menangani jangkitan wabak COVID-19.

Selain itu, Pelita Brunei juga sempat menemu bual Komposer tempatan kita, Awang Omar bin Haji Abd. Rahman yang mencipta lagu Terima Kasih yang sempat menceritakan tercetusnya idea beliau apabila melihat kesungguhan semua pihak baik kerajaan, swasta, sukarelawan dan orang ramai tampil bersatu dalam sama-sama untuk mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19.

"Menyelami perasaan *frontliners*, terutama doktor-doktor dan jururawat yang



KOMPOSER tempatan, Awang Omar bin Haji Abd. Rahman yang mencipta lagu Terima Kasih.

betul-betul berhadapan dengan pesakit, itulah perjuangan dan pengembalaan mereka dalam merentasi cabaran sebenar COVID-19 atas dasar tanggungjawab dan belas kasihan. Jiwa persaudaraan *kitani* orang Brunei masih mantap dan kukuh sehingga lahirlah lagu Terima Kasih khas untuk semua terlibat secara langsung dan tidak langsung," jelasnya.

Beliau seterusnya berkata, mesej lagu muhasabah diri mengenali Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihi, memberikan petugas-petugas yang tabah,



GUARDIAN of Rhythm tampil dengan lagu mereka 'Don't Push It' dengan kolaborasi idea penerbit mereka, Spook dari Hepta Records.

termasuk sukarelawan, penderma, yang menyumbang tenaga, buah fikiran dan tidak terkecuali juga pihak Media yang sentiasa menjadi penghubung kerajaan dengan rakyat.

Lagu yang berdurasi dua minit 40 saat itu mampu dicipta dalam hanya lima minit sahaja dan begitu juga dengan susunan senikata juga gubahan muzik disusun oleh Fadh Yussof dan EE Studio.

Barisan artis tempatan yang turut menyanyikan Terima Kasih ialah Isyraf Yusri, Zuden Karim, Omar Saeef, Fauzi Reduan, Auf Ismail, Hadib Adanan, Sueib Suhaimi,



Yaniey Junaini, Ayesha Said, Nadia Benny dan Gette.

"Lagu itu saya nukilkan dengan ikhlas jauh di dalam hati yang paling rendah dan saya angkat menjulang tinggi pengorbanan mereka, seterusnya memanjatkan doa, semoga Allah memberkati semua yang terlibat," tambahnya lagi.

Juga tidak ketinggalan, lagu Tabah dendaran Juan Madial dengan kerjasama Foreverline yang menghasilkan lagu yang begitu puitis dan memberikan semangat para pejuang barisan hadapan khasnya.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦرنگن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Inisiatif pembelajaran dalam talian disambut baik



GURU-GURU Sekolah Arab Temburong bertungkus lumus menyediakan dan menggunakan Sistem Home Learning Pack (HLP) yang berupa nota juga tugasannya hardcopy untuk para pelajarnya.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Sabtu, 11 April. - Dalam memastikan keselamatan dan kesihatan para pelajar di negara ini sentiasa terjaga dan terhindar daripada sebarang kemungkinan jangkitan wabak COVID-19, sesi pengajaran dan pembelajaran bagi semua sekolah rendah dan menengah, pusat-pusat tingkatan enam, sekolah-sekolah vokasional dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, termasuk sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), sekolah-sekolah swasta dipraktikkan secara dalam talian (*online*).

Pelajar-pelajar juga dikehendaki untuk terus berada di rumah dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian (*online*) melalui pelbagai landasan mengikut kapasiti sekolah masing-masing, sama ada melalui E-mel, Google Docs, Aplikasi WhatsApp, Video Conference, Microsoft Teams dan platform media sosial atau sebarang aplikasi telekomunikasi bersesuaian.

Dalam temu bual Pelita Brunei menerusi media sosial, Aplikasi

WhatsApp, Guru Besar Sekolah Arab Temburong, Awang Haji Morsidi bin Haji Tuah menyatakan, pihak Sekolah Arab Temburong menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran melalui dalam talian dengan menggunakan teknologi digital dan laman sesawang sedia ada yang menawarkan pembelajaran dalam talian, seperti Google Classroom, Microsoft Team, Aplikasi ZOOM, Edmodo dan apa juar kaedah *e-Learning* yang bersesuaian dan mudah untuk dilaksanakan oleh para guru dan pelajar.

Selain itu, beliau juga berkata bahawa Sekolah Arab Temburong juga menggunakan Sistem Home Learning Pack (HLP) yang berupa nota dan tugasannya hardcopy yang disediakan oleh guru-guru.

"Dalam langkah menjaga keselamatan dan mengelak daripada berkumpul, pihak sekolah membahagikan waktu untuk wakil penuntut datang mengambil HLP, iaitu pada setiap Sabtu, ibu bapa akan mengambil dan menghantar HLP secara *drive thru*, di mana, ibu bapa hanya perlu menunggu

di dalam kereta dan guru-guru akan menghantar dan mengambil kerja sekolah yang sudah siap dan yang akan dibuat untuk minggu seterusnya itu ke kereta ibu bapa tersebut," ujarnya.

Inisiatif seumpama ini disambut baik oleh ibu bapa / penjaga pelajar lebih-lebih lagi pada situasi yang membimbangkan sekarang ini, sekali gus mencerminkan pihak kerajaan mengambil berat mengenai pendidikan di negara ini.

Bagi mengelakkan penularan jangkitan wabak COVID-19, pihak sekolah melaksanakan Business Continuity Plan (BCP) sekolah dan salah satunya adalah pelaksanaan pengajaran juga pembelajaran dalam talian.

Pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*) adalah salah satu kaedah pembelajaran yang dilaksanakan di rumah (*home-base learning*) tujuannya ialah, bagi meneruskan sesi pembelajaran penggal ke-2 persekolahan, di mana pelajar-pelajar dikehendaki berada di rumah pada masa ini.

"Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian dapat dilaksanakan mengikut kesesuaian juga kemampuan guru dan para pelajar berkenaan, seperti melalui Aplikasi Microsoft Teams, Edmodo, Google Classroom, Aplikasi WhatsApp, Voice dan Video Call serta sebagainya, bagi pelajar yang mempunyai halangan untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian, mereka juga berpeluang untuk mengikuti sesi pembelajaran melalui nota-nota dan kertas-kertas latihan yang disediakan dalam HLP, yang disertakan di dalamnya panduan-panduan sebagai rujukan dan memudahkan para ibu bapa memantau pembelajaran anak-anak mereka di rumah," ujarnya lagi.

Banyak cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dan para ibu bapa bagi melaksanakan pengajaran juga pembelajaran dalam talian (*online learning*) ini, seperti sebahagian pelajar yang tidak memiliki kemudahan alat komunikasi dalam talian, tidak ada isyarat telefon, tidak terdapat Wi-Fi rumah, data kredit habis dan lain-lain lagi, walau bagaimanapun pembelajaran tetap diteruskan dengan menghubungi ibu bapa pelajar-pelajar yang berkenaan untuk mencari jalan alternatif bagi melancarkan sesi pengajaran juga pembelajaran sepertimana yang dirancang oleh pihak sekolah.

IBU bapa akan mengambil dan menghantar HLP secara *drive thru*, di mana mereka hanya perlu menunggu di dalam kereta dan guru-guru akan menghantar dan mengambil kerja sekolah yang sudah siap dan yang akan dibuat untuk minggu seterusnya.

كمترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

Penutup mulut dan hidung secara amnya tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda demam batuk selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul**.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Postikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuat penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

www.moh.gov.bn | [Facebook](#) | [Twitter](#) | [Instagram](#)

Perubahan perkhidmatan Kaunter-kaunter JPP

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 12 April. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai beberapa perubahan terhadap perkhidmatan kaunter-kaunter juga penyerahan dan penghantaran paket-paket kecil juga bungkusan bermula Isnin, 19 Syaaban 1441H bersamaan 13 April 2020M hingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Selaras dengan Siaran Akhbar Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), bertarikh 9 April 2020, JPP akan menangguhkan semua perkhidmatan pembaharuan Lesen Memandu (DL) dan Lesen Kenderaan (VL) mulai Isnin, 13 April 2020 dan boleh dibuat melalui pilihan berikut : Melalui perkhidmatan Talian Darussalam 123, iaitu dengan menghubungi 123 atau melalui e-mel ke info@123.com.bn atau secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi mudah alih TransportBN atau melalui laman sesawang rasmi kerajaan, www.gov.bn.

Manakala, pengambilan dan

pembayaran permohonan permohonan yang siap akan dilaksanakan melalui kaedah pandu lalu di Cawangan-cawangan JPD.

Di samping itu, pembayaran bil-bil ASTRO, DST, Air dan Elektrik juga akan dihentikan buat sementara.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan pos seperti kaunter penyerahan bungkusan, surat berdaftar, pembelian setem dan perkhidmatan Premium masih dibuka seperti biasa.

Manakala paket-paket kecil dan bungkusan akan dihantar ke rumah, kecuali yang memerlukan pengesahan atau kebenaran daripada agensi-agensi yang berkenaan.

Bagi kemudahan pelanggan-pelanggan PosLaju, JPP akan menyediakan perkhidmatan pengambilan dari rumah pelanggan (*pick-up service*) bagi Daerah Brunei dan Muara ke daerah-daerah lain sebagai permutuan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) menerusi talian +673 2380481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel cscpost@post.gov.bn.



دُعَاءٌ مُّوْهِنٌ كَفَدَ اللَّهُ سُقَايٍ تِّرْسَلَامَةٌ دَرْفَدْ بِلَاءَ دَانْ سَكَلْ جَنِيسْ فِيَاكِيتْ

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرٍ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطَفْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ كَالِبٍ ۝

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْغُفْدُ، وَتَنْقُرُجُ بِهِ الْكَبْرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْعُ، وَتُنْتَأَلُّ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَتُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

(١٠٥)

صلوات تفرجية

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْغُفْدُ، وَتَنْقُرُجُ بِهِ الْكَبْرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْعُ، وَتُنْتَأَلُّ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَتُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya:

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurallah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapalah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdian mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuranrahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya:

Salawat ini amar luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardhu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعَدْتَكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيْنَهُ، لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya:

"Ya Allah Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engku telah menciptakan ku, dan aku harbaMu. Aku berada dalam kitanan janjiMu menurut kemampuanku. Aku berlindung denganMu dari kejahatan yang kulakukan. Aku sedari ni'matMu kepadaiku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadlatnya:

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو غن ساعت بسر كقد قعملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَّ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan:

Menurut hadith, barangsiapa mengalami kesusahan atau dalam dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasaNya akan melepaskan orang itu dari apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan:

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup 'aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadith, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar dari setiap dukacita, dari kesempitan dan kesusahan serta menguniakannya rezeki dari sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسِبْنَا اللَّهَ وَرَبِّنَا الْوَكِيلَ

(Memadalah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan:

Ini adalah ayat al-Quran, Surah ali 'Emran ayat 173. Menurut hadith, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِرُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku/bantulah aku!).

Penerangan:

Ini adalah zikir hebat, Barangsiapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekaligus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Didalam sebuah riwayat, Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan:

Ini adalah ayat al-Quran, Surah Ghafir ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan dari segala musibah berlaku. Malah binatang buas seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 27/04/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN : 13 APRIL 2020

TARIKH TUTUP : 11 MEI 2020

1. PEGAWAI JURURAWAT

M.11 / M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II)

KEMENTERIAN KESIHATAN

KEKOSONGAN = TIGA PULUH TUJUH (37)

2020/014/07

2. JURUPULIH CARA KERJA

M.11 / M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II)

KEMENTERIAN KESIHATAN

KEKOSONGAN = TIGA (03)

2020/014/08

3. PEMBANTU TEKNIK KANAN

C.2 EB.3 (BAHAGIAN III)

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/0014/04



INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH



KETERANGAN :

INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH
(BAGI PELAJAR LELAKI
DAN PEREMPUAN)
BAGI TEMPOH 3 TAHUN
BAGI KOD BLOK :
ITQSHHB / HEP / PM

BAYARAN DOKUMEN : BND500.00
(BAYARAN DOKUMEN TIDAK
DIKEMBALIKAN)

TAWARAN PENYAJIAN MAKANAN
DAN MINUMAN
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH
(BAGI PELAJAR LELAKI
DAN PEREMPUAN)

TARIKH TUTUP :
SELASA, 28 APRIL 2020
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI



URUSETIA JAWATANKUASA
KEBANGSAAN SAMBUTAN PERAYAAN
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
YANG KE-74 TAHUN
BAGI TAHUN 2020

BILANGAN TAWARAN :
LTK / KHEDN / PPA / DIR / 2020

PROJEK : TAWARAN BAGI
MENCETAK BUKU DIRGAHAYU 2020
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN
ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-74 TAHUN
BAGI TAHUN 2020

TARIKH TAWARAN DITUTUP :
SELASA, 28 APRIL 2020,
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III
KATEGORI :
KA01, M03 SAHAJA

TARIKH TUTUP :
5 MEI 2020
(SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DWS / 002 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA PEMELIHARAAN
SISTEM PENGEPAM AIR DAN
PEMELIHARAAN TANGKI
AIR BANGUNAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
COMMONWEALTH DRIVE
SELAMA 36 BULAN

YURAN TAWARAN :
BND30.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E -DOKUMEN : -


**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 413 / 2017

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**
- Pemutang / Pemetsyen

**AWG. AMIRUL IKRAMAN
BIN AWG. ABDUL RAHMAN
(BYIC No. 00-117334)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar** pada **14 Mei 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **14 Mei 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 196 / 2017

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemutang / Pemetsyen

KES NO. BCY / CP / 115 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**
- Pemutang / Pemetsyen

**MD. SYARAFUDDIN HAMDI
BIN HAJI TALIP
(BYIC No. 00-318625)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Mei 2019.

**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BERHAD
- Pemutang / Pemetsyen

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-4) Mahkamah Besar** pada **12 Mei 2020, jam 11.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Mei 2020, jam 11.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 21 Mac 2020

KES NO. BCY / CP / 81 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsyen

**HAJI Bahrin Bin Haji Mohd. Zain
(BYIC No. 00-260685)**
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Mei 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar** pada **14 Mei 2020, jam 10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari

24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **14 Mei 2020, jam 10.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Mac 2020

**NUR ELEANA
BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**SYARIKAT (PENGGULUNGAN)
NO. BCY / ICWP / 6 / 2019**

**DALAM PERKARA AKTA PERINTAH
INSOLVENSI 2016**

DAN

**DALAM PERKARA RAYTEC PROPERTY
DEVELOPMENT SDN. BHD.**

**NOTIS PERJUMPAAN
PERTAMA PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Penggulungan bertarikh 15 Ogos 2019).

NOTIS adalah dengan ini diberikan bahawa perjumpaan Pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1), Mahkamah Besar** pada **29 April 2020, jam 11.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Bertarikh : 19 Mac 2020

HARNITA ZELDA SKINNER
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAU UGAMA**

**PROVIDING SERVICE FOR CUTTING,
TRIMMING OF SELECTED TREES
AND DISPOSAL OF CUT ITEM &
DEBRIS FROM THE SITE
AT KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN, KM 2
JALAN RAJA ISTERI
PENGIRIAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN (2020-2021)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
BORANG TAWARAN :
SABTU, 18 APRIL 2020,
JAM 10.00 PAGI.**



**JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**



BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / MD (KS) / APC / SH / 10
(2019 / 2020)

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR TROFI BAGI
ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
L6 DAN PEPERIKSAAN 'A' LEVEL
NOVEMBER 2019 KE MAKTAB DULI
PENGIRIAN MUDA AL-MUHTADEE
BILLAH,**
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH



**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN SEBUT HARGA

BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN / BPEA / SH / 2020 (5)

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN
BAGI BANGUNAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
DAERAH TUTONG, BAGI
TEMPOH 24 BULAN**

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
RABU, 29 APRIL 2020



**BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2019-2020**


**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**
BND5.00

**[BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
TIDAK DIKEMBALIKAN]**

BILANGAN SEBUT HARGA :
KP / JSS / MD (KS) / BT / SH / 11
(2019/2020)

KETERANGAN :
**SEBUT HARGA UNTUK MEMBEKAL
DAN MENGHANTAR BAJU-T BAGI**

**KEGUNAAN PELAJAR ENAM BAWAH,
MAKTAB DULI PENGIRIAN
MUDA AL-MUHTADEE BILLAH,
JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TAHUN KEWANGAN 2019-2020**



**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
SEBUT HARGA :**

BND5.00

**[BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA
TIDAK DIKEMBALIKAN]**

TARIKH TUTUP :

ISNIN, 20 APRIL 2020

[TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG]



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**WANG TARUHAN (CAGARAN) YANG BELUM DITUNTUT DAN MASH TERSIMPAN
DALAM AKAUN KERAJAAN**

DIMAKLUMKAN bahawa Senarai Nama-Nama Syarikat seperti berikut bolehlah menuntut Wang Taruhan itu ke Bahagian Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan membawa Resit Asal Wang Taruhan berserta dengan salinan Kad Pintar dan buku akaun bank dengan seberapa segera bagi tindakan pembayaran balik dan jika sekiranya wang taruhan tersebut tidak dituntut dalam tempoh sebulan (30 hari) dari tarikh terakhir diwartakan, maka wang taruhan ini tidak akan dikembalikan dan akan dimasukkan sebagai hasil kerajaan.

WANG TARUHAN (CAGARAN) YANG MASIH BELUM DITUNTUT DARI TAHUN 1986 HINGGA 2006

BIL	NAMA/SYARIKAT	BILANGAN RESIT JABATAN	TARIKH RESIT	JUMLAH WANG TARUHAN
1	SYARIKAT TIARA FASHION HOUSE	788401	DEC 1986	\$200.00
2	BONITA TAILORING & HABER DUSHER	788406	DEC 1986	\$200.00
3	EMMA TAILORING	788407	DEC 1986	\$200.00
4	MOHAMMED RISAL MFTR CO	788409	DEC 1986	\$200.00
5		788413	JAN 1987	\$300.00
6		788414	JAN 1987	\$300.00
7	UNITED FIRE & SAFETY ENGINEERING CORPN BHD	788415	JAN 1987	\$200.00
8	STANDARD ELEKTRIK LORENZ	788416	JAN 1987	\$500.00
9	JH COMMUNICATIONS DEVELOPMENT	788418	JAN 1987	\$500.00
10	SENTRY SAFETY SPECIALIST	788421	JAN 1987	\$300.00
11	SERIES INDUSTRIAL & ENGINEERING SERVICES (B) SDN BHD	788422	JAN 1987	\$300.00
12	ASTON ENGINEERING ASSOCIATES	788423	JAN 1987	\$300.00
13	SYARIKAT ENVIROTECH	788424	JAN 1987	\$200.00
14	BRUSIA CORP LTD	788434	JAN 1987	\$300.00
15	STEPHEN LIEW & CO	788439	JAN 1987	\$500.00
16	BENG HENG TRADING COMPANY	788442	JAN 1987	\$200.00
17	JH COMMUNICATION DEVELOPMENT	788445	FEB 1987	\$500.00
18	UNITED FIRE & SAFETY ENGINEERING	788456	FEB 1987	\$300.00
19	HJ ADININ DAN ANAK-ANAK	788457	FEB 1987	\$500.00
20	STANDARD ELEKTRIK LORENZ	788458	FEB 1987	\$500.00
21	CHERRAN SDN BHD	788459	FEB 1987	\$300.00
22	MAYANIZ ENTERPRISE	788460	FEB 1987	\$200.00
23	YAZDI RESOURCES	788461	FEB 1987	\$200.00
24	STEPHEN LIEW & CO	788470	FEB 1987	\$500.00
25	SENTRY SAFETY SPECIALIST	788473	MAY 1987	\$200.00
26	ASTON ENGINEERING ASSOCIATE	788474	MAY 1987	\$200.00
27	C ZARINA TRADERS	788480	MAY 1987	\$200.00
28	RAYDEK ENTERPRISE	788481	MAY 1987	\$200.00
29	RAYDEK ENTERPRISE	788482	MAY 1987	\$200.00
30	FOLEC COMMUNICATIONS (B) SDN BHD	788487	AUG 1987	\$300.00
31		788491	FEB 1988	\$500.00
32	SYKT AUTONIAGA FARZA	784164	JAN 1992	\$100.00
33	FONGS ELECTRONIC & TRADING CO.	784174	FEB 1992	\$100.00
34	FONGS ELECTRONIC & TRADING CO.	784176	FEB 1992	\$100.00
35	HAI HWANG TRADING CO	784193	FEB 1992	\$200.00
36	JATI TRANSPORT SDN BHD	474007	FEB 1992	\$500.00
37	JATI TRANSPORT SDN BHD	474008	FEB 1992	\$500.00
38	RIZA FUDHLANA ENTP & TRD CO	474012	FEB 1992	\$100.00
39	RIZA FUDHLANA ENTP & TRD CO	474013	FEB 1992	\$100.00
40	KBS RESOURCES	474025	MAC 1992	\$500.00
41	S.K.FIRE PTE LTD	474026	MAC 1992	\$500.00
42	RIZA FUDHLANA ENTP & TRD CO	474037	APR 1992	\$100.00
43	SYKT PERNIAGAAN SAFEX	474045	FEB 1993	\$200.00
44	SARI BANUN	474055	MEI 1993	\$200.00
45	FUNCTIONAL ENGINEERING SDN BHD	474056	MEI 1993	\$200.00
46	P.F.H.FIRE PROTECTION	474059	MEI 1993	\$200.00
47	THE BORNEO COMPANY (B) SDN BHD	474068	MEI 1993	\$200.00
48	MODERN FIRE & SAFETY SERVICES	474074	MEI 1993	\$200.00
49	SYKT PERNIAGAAN LETRIK FONGS SDN BHD	474076	MEI 1993	\$200.00
50	ASTON ENGINEERING ASSOCIATES	474090	APR 1994	\$500.00
51	S.K.FIRE PTE LTD	474098	APR 1994	\$500.00
52	S.K.FIRE PTE LTD	474099	APR 1994	\$500.00
53	IDT LTD	474105	APR 1994	\$500.00
54	IDT LTD	474106	APR 1994	\$500.00
55	EKW HALIMAH ENGINEERING ASSOCIATES SDN BHD	474111	APR 1994	\$400.00
56	BOAT LAND WINNELLIE	474116	APR 1994	\$200.00
57	JATI TRANSPORT SDN BHD	474117	APR 1994	\$500.00
58	JATI TRANSPORT SDN BHD	474118	APR 1994	\$500.00
59	KBS RESOURCES	474120	APR 1994	\$100.00
60	HAI HWANG TRADING CO	474122	APR 1994	\$200.00
61	NG BROTHERS CO.	474127	APR 1994	\$300.00
62	CHAMPION MOTORS (B) SDN BHD	474130	MEI 1994	\$200.00
63	DAYA DAMAS INDUSTRIES	474131	MEI 1994	\$500.00
64	PROTECTION COMPANY	474132	MEI 1994	\$200.00
65	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474138	DIS 1994	\$200.00
66	TELECONSULT SDN BHD	474143	DIS 1994	\$200.00
67	SYKT TENAGA TEKNIK	474152	DIS 1994	\$200.00
68	FIRE PROTECTION CO.	474155	JAN 1995	\$200.00
69	ESE ENGINEERING SDN BHD	474163	MAC 1995	\$1,000.00
70	SYKT HJ JASMIN HJ NAWI & ADIK BERADIK	474184	MAC 1995	\$100.00
71	SYKT HJ JASMIN HJ NAWI & ADIK BERADIK	474185	MAC 1995	\$100.00
72	JATI TRANSPORT SDN BHD	474186	MAC 1995	\$1,000.00
73	TMT ENGINEERING CO SDN BHD	474187	MAC 1995	\$150.00
74	JATI TRANSPORT SDN BHD	474218	MAC 1995	\$100.00
75	TAN KOK TONG	474237	MAC 1995	\$100.00
76	KHAIRIL ANNUR & CO.	474242	APR 1995	\$100.00
77	TAN KOK TONG	474254	APR 1995	\$100.00
78	TAN KOK TONG	474255	APR 1995	\$100.00
79	TAN KOK TONG	474258	APR 1995	\$100.00
80	TAN KOK TONG	474259	APR 1995	\$100.00
81	TAN KOK TONG	474260	APR 1995	\$100.00
82	ESKAY ROSENBAUER SDN BHD	474263	APR 1995	\$100.00
83	ESKAY ROSENBAUER SDN BHD	474264	APR 1995	\$150.00
84	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474271	APR 1995	\$150.00
85	GOH HOCK KEE MOTOR SDN BHD	474322	JULAI 1995	\$200.00
86	GOH HOCK KEE MOTOR SDN BHD	474323	JULAI 1995	\$200.00
87	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474331	OKT 1995	\$250.00
88	SABI DEVELOPMENT & ENGINEERING CO	474334	OKT 1995	\$250.00
89	ESKAY ROSENBAUER SDN BHD	474335	OKT 1995	\$250.00
90	UNITED FIRE & SAFETY ENGINEERING CORPN BHD	474336	APR 1996	\$100.00
91	SYKT USAHA LISA	474345	APR 1996	\$100.00
92	ESKAY ROSENBAUER SDN BHD	474355	APR 1996	\$1,000.00
93	SYKT AUTONIAGA FARZA	474358	APR 1996	\$100.00
94	GOH HOCK KEE MOTOR SDN BHD	474359	APR 1996	\$100.00
95	CHAMPION MOTORS (B) SDN BHD	474368	APR 1996	\$250.00
96	CHAMPION MOTORS (B) SDN BHD	474370	APR 1996	\$250.00
97	MASCOT UTAMA ENGINEERING (B) SDN BHD	474384	APR 1996	\$1,000.00
98	MASCOT UTAMA ENGINEERING (B) SDN BHD	474392	APR 1996	\$1,000.00
99	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474398	APR 1996	\$1,000.00

100	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474403	APR 1996	\$100.00
101	FIRESEC ENGINEERING & SERVICES	474404	APR 1996	\$100.00
102	PETROLJAYA SDN BHD	474405	MEI 1996	\$100.00
103	INTEGRATED COMMUNICATIONS (B) SDN BHD	474406	MEI 1996	\$100.00
104	KIM LEE HONG MOTOR SDN BHD	474420	JUN 1996	\$200.00
105	KAMAR ASWANZY	474422	JUN 1996	\$200.00
106	ANIRUS ENTP.	474424	JUN 1996	\$200.00
107	ZULKADER & CO	474432	JUN 1996	\$200.00
108	MAYA JAYA ENTP.	474433	JUN 1996	\$200.00
109	RADIN ENTP.	474434	JUN 1996	\$200.00
110	SHAPE DESIGN DRESSMAKING & ENTP.	474436	JUN 1996	\$200.00
111	HONG TEXTILE	474437	JUN 1996	\$200.00
112	AZZIEDAH ENTERPRISE	474442	JUN 1996	\$200.00
113</td				



PERKHIDMATAN *DROP, PAY AND COLLECT* MELALUI PANDU LALU (*DRIVE-THROUGH*)

**1**

Muat turun borang permohonan dari laman sesawang JPD www.mtic.gov.bn/ltd.

**2**

Isi borang dan sediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

**3**

Datang ke cawangan JPD yang berkenaan dan hadapkan permohonan awda secara pandu lalu (*drive-through*). Pemohon akan dimaklumkan mengenai tarikh, waktu dan tempat pengambilan serta pembayaran permohonan yang siap diproses nanti.

**4**

Pada tarikh dan waktu pengambilan, datang ke cawangan JPD yang ditentukan secara pandu lalu:

- ✓ Sila ikut laluan yang dikhaskan dan berada dalam kenderaan pada setiap masa.
- ✓ Sila bawa wang bayaran dalam jumlah yang tepat.

Perkhidmatan *Drop, Pay and Collect* adalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

1. Pendaftaran Kenderaan Baru dan Terpakai.
2. Bayaran Tawaran Bilangan Pendaftaran, Penahanan, Gantong & Serah.
3. Tukar Milik Kenderaan.
4. *Loan, Reloan & Cease Loan*.
5. Salinan (*duplicate*) Lesen Memandu, Lesen Kenderaan & Buku Pendaftaran Kenderaan.
6. Permohonan *Non-use*.
7. Membaharui Lesen Kenderaan bagi Kenderaan Kerajaan (BG).
8. Pelesenan Kenderaan Francais & Perkhidmatan Awam (KFPA) & Permit Kenderaan Lintas Batas.
9. Pengubahsuaian (Warna, Enjin, Logo dan lain-lain).
10. Import & perkhidmatan-perkhidmatan Teknikal yang lain.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:



TD 123 atau



8333123 atau



info@123.com.bn



جاین فنگكونن دارت
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
BRUNEI DARUSSALAM



MEMBAHARUI LESEN KENDERAAN MELALUI TALIAN DARUSSALAM 123 (TD 123)

1



- Sebelum memohon, sila pastikan perkara-perkara berikut:
- ✓ Kenderaan awda mempunyai perlindungan insuran/takaful kenderaan yang sah dan maklumatnya telah dikemaskini dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD).
 - ✓ Kenderaan telah lulus Pemeriksaan Kelayakkan Kenderaan iaitu bagi Kenderaan Persendirian berumur lebih dari 7 tahun, Kenderaan Komersial dan Kenderaan Pengangkutan Awam.

2



- Hadapkan permohonan awda dengan menghubungi Talian Darussalam 123 (TD 123) atau emel kepada info@123.com.bn. Bagi permohonan yang memerlukan dokumen sokongan, TD 123 akan menasihatkan mengenai tatacara menghadapkan dokumen.

3



- Jika permohonan menepati syarat dan teratur, TD123 akan memberikan nombor tiket ID untuk rujukan permohonan awda. Permohonan awda kemudiannya akan dihadapkan kepada JPD untuk diproses.

4



- TD 123 akan menghubungi awda sekali lagi untuk memaklumkan jumlah yang perlu dibayar serta tarikh, waktu dan tempat bagi mengambil dan membayar Lesen Kenderaan yang telah siap dibaharui.

5



- Sila datang ke cawangan JPD yang ditentukan mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan secara pandu lalu (*drive-through*):
- Sila ikut laluan yang dikhaskan dan berada dalam kenderaan pada setiap masa.
 - Sila bawa wang bayaran dalam jumlah yang tepat serta dokumen asal (jika diperlukan).

Permohonan membaharui Lesen Kenderaan melalui TD 123 adalah bagi permohonan-permohonan berikut:

1. Semua jenis kenderaan samada kenderaan Persendirian (termasuk yang berumur lebih dari 7 tahun), Komersial atau Pengangkutan Awam.
2. Kenderaan-kenderaan yang dikecualikan daripada bayaran Lesen Kenderaan.



TD 123 atau



8333123 atau



info@123.com.bn

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:



MEMBAHARUI LESEN MEMANDU MELALUI PERKHIDMATAN TALIAN DARUSSALAM 123 (TD 123)



1

Sebelum memohon, sila pastikan perkara-perkara berikut:

- ✓ Bagi warga Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Pemegang Lesen Memandu kelas 2B, 2A, 2, 4, 5, 6A, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12, pastikan sijil Pemeriksaan Kesihatan telah diperolehi.
- ✓ Bagi warga asing Pemegang Lesen Memandu kelas 2B, 2A, 2, 4, 5, 6A, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11, pastikan sijil Pemeriksaan Kesihatan telah diperolehi dan dokumen-dokumen sokongan lain yang diperlukan adalah mengikut syarat.



2

Hadapkan permohonan awda dengan menghubungi Talian Darussalam 123 (TD 123) atau emel kepada info@123.com.bn. Bagi permohonan yang memerlukan dokumen sokongan, TD 123 akan menasihatkan mengenai tatacara menghadapkan dokumen.



3

Jika permohonan menepati syarat dan teratur, TD 123 akan memberikan nombor tiket ID untuk rujukan permohonan awda. Permohonan awda kemudiannya akan dihadapkan kepada JPD untuk diproses.



4

TD 123 akan menghubungi awda sekali lagi untuk memaklumkan jumlah yang perlu dibayar serta tarikh, waktu dan tempat bagi mengambil dan membayar Lesen Memandu yang telah siap dibaharui.



5

Sila datang ke cawangan JPD yang ditentukan mengikut tarikh dan waktu yang ditetapkan secara pandu lalu (*drive-through*):

- Sila ikut laluan yang dikhaskan dan berada dalam kenderaan pada setiap masa.
- Sila bawa wang bayaran dalam jumlah yang tepat serta dokumen asal (jika diperlukan).

Permohonan membaharui Lesen Memandu melalui TD 123 adalah bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

1. Semua kelas Lesen Memandu 1 hingga 12, milik warga tempatan dan asing, serta yang berumur 70 tahun dan ke atas.
2. Lesen Memandu yang dikecualikan daripada bayaran Lesen Memandu.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:



TD 123 atau



8333123 atau



info@123.com.bn

Kesalahan kompaun dikeluarkan semasa operasi sekatan



BAGI memastikan mematuhi peraturan lalu lintas sentiasa ditanai dan dipraktikkan kepada para pemandu, beberapa operasi sekatan jalan raya dikendalikan oleh keanggotaan balai di dua buah Daerah Balai Polis (atas dan bawah).



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Sabtu, 11 April. - Bagi memastikan mematuhi peraturan lalu lintas sentiasa ditanai dan dipraktikkan kepada para

pemandu, beberapa operasi sekatan jalan raya dikendalikan oleh keanggotaan balai di dua buah Daerah Balai Polis.

Dalam operasi sekatan yang dijalankan di Daerah Belait bertempat di Jalan Tengah Seria, sebanyak tiga kesalahan kompaun dikeluarkan kepada pemandu atas kesalahan kenderaan dalam kondisi tidak dalam keadaan baik untuk dipandu di jalan raya.

Operasi tersebut dikendalikan oleh keanggotaan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait yang melibatkan keanggotaan bertugas seramai 10 orang.

Manakala bagi Daerah Tutong, operasi sekatan dijalankan oleh keanggotaan Balai Polis Lamunin bersama anggota Unit Pasukan Simpanan Kompeni C di kawasan persimpangan empat Kampung Lamunin.

Hasil daripada sekatan berkenaan mengeluarkan dua kesalahan kompaun kepada dua orang pemandu melibatkan pengubahan suaihan kenderaan daripada asal dan kenderaan tidak layak juga tidak selamat dipandu di atas jalan raya.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 15 April 2020
- 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020
- 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Corporate Social Responsibility:
Printmartz
Advertising

Apakah yang dimaksudkan dengan PERINTAH KURANTIN (QO)?

Satu perintah undang-undang yang dikeluarkan kepada individu untuk mengasingkan diri bagi menjalani kurantin; iaitu

individu yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti **ATAU** individu yang berkонтак dengan yang disahkan positif penyakit berjangkit

Perintah Kurantin (QO) biasanya dilakukan di **Rumah** **ATAU** **Kemudahan Kerajaan yang disediakan**

Sila rujuk garispandu mengenai pengasingan diri bagi apa yang dibenarkan dan tidak dibenarkan

Manapun individu yang sedang dikurantin dan tidak mematuhi Perintah Kurantin ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204). Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga \$10,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

Corporate Social Responsibility:
Printmartz
Advertising

Apakah yang dimaksudkan dengan PENGASINGAN DIRI?

Ini adalah sejenis kurantin yang dijalankan di rumah

Mana-mana individu yang sedang menjalani Pengasingan Diri adalah dimestikan untuk berada di rumah sepanjang masa

Tidak dibenarkan mengundang tetamu untuk datang ke rumah

Dinasihatkan untuk tidak berhubung rapat dengan ahli keluarga bagi mengelakkan kemungkinan menjangkiti yang lain

Rujuk kepada garispandu Pengasingan Diri di: www.moh.gov.bn

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

Corporate Social Responsibility:
Printmartz
Advertising

Bagi mereka yang menjalani PEMANTAUAN DIRI:

Kekal berada di rumah sendiri sebanyak mungkin

Kurangkan jumlah pelawat ke rumah

Ketahui orang-orang yang berhubung rapat dengan awda

Pantau suhu badan sendiri 2 kali sehari (contohnya jam 8 pagi dan jam 8 malam)

Boleh keluar rumah hanya bagi mendapatkan keperluan harian dan perkara penting sahaja, TETAPI dikehendaki untuk tidak berada lama di tempat awam atau mendekati orang lain

Jika awda atau mana-mana ahli keluarga yang tinggal serumah dengan individu yang menjalani Perintah Kurantin mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan seperti demam dan kesukaran bernafas, sila hubungi HAL 148 untuk mendapatkan nasihat dan bantuan lanjut

LENSA Pelajar

Sekolah Menengah
Perdana Wazir



Tingkatkan kemahiran berkomunikasi

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir
Foto : Ihsan Nur Izzati Maidin, Hartini Haji Awang Damit

KOMUNIKASI merupakan sesuatu yang sangat penting yang sentiasa digunakan setiap hari untuk memahami perbualan untuk mengelak daripada ketidakfahaman. Komunikasi ini salah satunya adalah untuk menyampaikan maklumat yang berbentuk interaksi. Para pelajar sedari awal perlu ditutup beratkan cara komunikasi yang berkesan. Para ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membimbing para pelajar untuk berkomunikasi dengan betul menggunakan perkataan dan ayat yang bersesuaian. Zaman moden dengan teknologi canggih sekarang ini ada ketikanya sukar untuk mengawal para pelajar cara berkomunikasi yang sewajarnya kerana pengaruh teknologi yang semakin berleluasa disalahgunakan oleh para pelajar.

Ruang Lensa Pelajar kali ini menjelajah ke Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait yang mengadakan aktiviti bernama 'Learn Something Everyday' (LSED) yang dijalankan setiap pagi semasa Perkumpulan Pagi yang diadakan setiap minggu bermula jam 7.20 hingga 7.35 pagi. Aktiviti LSED ini bermula sejak tahun 2016 yang diperkenalkan oleh mantan Pengetua, Mohamed Fliti. Daripada pengamatan beliau, para pelajar sekolah tersebut kurang berkemahiran dari segi pertuturan dan kurangnya dalam pengetahuan am yang menjadi punca kepada kebanyakan pelajar tidak yakin untuk berkomunikasi bersama guru-guru (*stage presentation*).

Setiap minggu, setiap jabatan di sekolah tersebut akan bertanggungjawab mengendalikan LSED mengikut topik yang telah dipilih. Para guru akan menyediakan sumber-sumber yang membantu para pelajar untuk memahami topik tersebut. Sumber-sumber yang diberikan adalah melalui video yang ditayangkan kepada para pelajar. Pelajar kemudiannya akan mencatatkan isi-isi yang mereka dapat melalui video tersebut lazimnya diadakan pada Isnin dan Selasa.

Pada Rabu, para pelajar akan diajukan soalan dan dikehendaki untuk naik ke atas pentas dan menjawab soalan-soalan tersebut. Soalan-soalan biasanya diajukan kepada para pelajar mengikut peringkat, iaitu Tahun 7, 8, 9, 10 dan 11. Manakala soalan bonus diajukan secara menyeluruh untuk dijawab oleh semua pelajar tidak mengikut peringkat. Para pelajar naik ke pentas secara sukarela untuk menjawab soalan berkenaan. Pelajar yang menjawab soalan dengan tepat akan diberikan Sijil Apresiasi dan sesetengah jabatan akan memberikan hadiah galakan kepada pelajar, yang mana majlis penyampaian sijil tersebut diadakan pada Khamis.

Antara jabatan yang mengendalikan aktiviti ini ialah Jabatan Bahasa Melayu / MIB, English, Maths, Ugama, Science, Geography, Business Studies, Art & Craft, Food and Nutrition, History, BTEC, Physical Education, ICT, Counselor dan sebagainya.

Tema yang dipilih dalam aktiviti ini antaranya 'Brunei Culture and Heritage', 'Global Competency / International Information', 'ASEAN', 'Global Issues', 'Global Competency', 'Sustainability' dan sebagainya.

Manakala tajuk yang dipilih berdasarkan tema yang diberikan antaranya, Dialek Bahasa Melayu, Technologically Literate Citizens, KL Twin Tower & Angkor Wat Temple, Khurafat, Smartphone, The Story of Thailand, Business Environment in Brunei, International Information - China, Bruneian Art Artist, Authentic Cuisine, Tasek Merimbun Heritage Park, Musical Instrument and Traditional Tools in Brunei, Folktales in Brunei, Ambuyat, Kain Tenun Brunei, Pegangan Aqidah Negeri-Negeri ASEAN dan sebagainya.

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan am para pelajar dalam sesuatu hal, meningkatkan cara berfikir para pelajar dengan lebih bersistematis dan terarah, supaya para pelajar berani untuk berhadapan dengan sesiapa sahaja dalam mengutarakan pendapat dan para pelajar lebih berkeyakinan diri dalam membuat sesuatu perkara.

Sejak penularan COVID-19 di negara kita, semua sekolah ditutup dan para pelajar tidak dibenarkan untuk hadir ke sekolah untuk keselamatan semua pihak. Para pelajar hanya dikehendaki mengikuti pembelajaran melalui e-Learning ataupun Home Learning Package secara *hardcopy*. Oleh itu, aktiviti LSED ini tidak lagi dilaksanakan seperti lazimnya. Aktiviti ini akan diteruskan sekiranya sekolah dibuka seperti biasa pada masa akan datang.

ZIMBASAN MINGGUAN

SALAH seorang yang telah menjalani pengasingan diri sekembalinya dari luar negara dan menamatkan tempoh 14 hari pengasingannya. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

ANTARA aktiviti bermanfaat yang dapat dilakukan adalah dengan membaca Al-Quran, mengulang kaji pelajaran di rumah dan sebagainya. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SEBELUM masuk ke kawasan lobi perbankan BIBD, akan diadakan pemeriksaan suhu badan. - Foto : Muhammad Akmal Haji Ali.

BEBERAPA orang pelanggan semasa melakukan penjaraikan sosial di Tamu Kianggeh, sekali gus sebagai salah satu usaha mencegah penularan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

E-PAMERAN boleh diakses melalui Kod QR yang boleh didapati melalui laman sesawang www.museums.gov.bn. - Foto : Azmah Haji Ahad.

PELBAGAI cara boleh dibuat dalam mengisi masa ketika berada di rumah, antaranya memasak, membersihkan rumah dan sebagainya. - Foto : Azmah Haji Ahad.

Farmasi di Selatan Tripoli dibedil peluru berpandu

TRIPOLI, Ahad, 12 April. - Tentera Libya yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Sabtu menuduh militia mensasarkan farmasi di selatan Tripoli, dua hari selepas serangan ke atas hospital yang dikhaskan untuk pesakit COVID-19, lapor agensi berita Xinhua.

Anggota militia yang berpangkalan di timur, melancarkan serangan menggunakan peluru berpandu Grad ke atas sebuah kedai ubat di daerah al-Swani, selatan ibu negara itu.

Dua hari sebelum ini mereka menyerang Hospital Besar al-Khadra, menurut kenyataan tentera.

Hospital Besar Al-Khadra dibedil pada Isnin, Selasa dan Khamis lalu, memaksa pihak berkuasa memindahkan semua pesakit dan menutup kemudahan itu sehingga Jumaat.

Penyelaras bantuan kemanusiaan PBB di Libya, Yacoub el Hillo mengutuk serangan ke atas hospital itu dan mendakwa ia pencabulan jelas terhadap undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Sementara itu, askar yang setia kepada seorang komander di timur, berkata dron milik kerajaan menyerang sebuah ambulans di barat daya Libya, menyebabkan dua orang terbunuh dan seorang lagi cedera.

Pada 4 April 2019, tentera yang berpangkalan di timur Libya, melancarkan kempen ketenteraan ke atas Tripoli dalam usaha menawan bandar raya itu dan menumbangkan kerajaan.

Misi Sokongan PBB di Libya (UNSMIL) mencatatkan sekurang-kurangnya 356 orang awam terbunuh dan 329 cedera sejak konflik itu meletus. - ©BERNAMA

COVID-19 : 12 bekas pesakit derma plasma darah untuk kajian

PUTRAJAYA, Ahad, 12 April. - Sebanyak 12 pesakit yang sudah pulih daripada jangkitan COVID-19 tampil untuk menderma plasma darah masing-masing setakat ini bagi digunakan dalam kajian rawatan pesakit COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham berkata sebelum Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil darah mereka, bekas pesakit COVID-19 itu diberi kaunseling dan perlu menjalani ujian-ujian jangkitan kuman.

"Setelah diberi kaunseling KKM akan rujuk mereka kepada Pusat Darah Negara untuk diambil darah bagi melaksanakan kajian rawatan COVID-19 menggunakan plasma darah," katanya pada sidang media harian COVID-19 di KKM di sini, hari ini.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan rawatan COVID-19 menggunakan plasma darah pesakit yang sudah pulih daripada jangkitan.

Kata beliau kajian mengenai rawatan itu masih di peringkat awal dan KKM perlu melihat terlebih dahulu keberkesanannya rawatan berkenaan.

"Mungkin kajian akan memakan masa sebelum KKM dapat satu bukti kukuh untuk digunakan. Apa yang KKM gunakan adalah plasma dengan melihat kandungan antibodi dan sebagainya," katanya lagi.

Ditanya mengenai kajian *rapid test kit* oleh KKM, Dr Noor Hisham berkata setakat ini kajian *rapid test kit* yang dilaksanakan KKM masih belum menemui kit ujian yang tepat dan boleh diharap.

"Hari ini dan esok ada kit ujian (diterima) dari Korea Selatan. Harap keputusan akan beri ketepatan yang tinggi untuk KKM guna pakai."

"Untuk kit ujian apa yang penting adalah ujian COVID-19 boleh dilaksana dalam tempoh yang singkat. Jadi tempoh proses ujian adalah pendek. Mungkin satu jam mungkin setengah jam," katanya lagi.

Dr Noor Hisham berkata, kit ujian yang menjadi pilihan KKM haruslah jenis mudah alih supaya mudah digunakan di klinik dan lokasi ujian dijalankan.

Ditanya mengenai pesakit sudah sembuh COVID-19 dan didapati positif semula, beliau berkata hanya dua atau tiga kes sedemikian dan ia dikategorikan sebagai positif yang lemah.

"Tidak ada pesakit yang sudah pulih COVID-19 yang dijangkiti semula. Dua atau tiga kes *weak positive* (positif yang lemah) itu adalah peringkat *virus shedding* atau virus COVID-19 sedang pudar (daripada tubuh pesakit) dan ia seolah-olah memberi kesan positif COVID-19," katanya lagi.

Dr Noor Hisham juga berkata kes positif yang lemah itu juga tidak menjangkiti orang lain. - ©BERNAMA

NEW DELHI, 12 April - India mencatatkan 31 kematian baharu dan 827 kes COVID-19 pada Ahad, lapor agensi berita Xinhua memetik kementerian kesihatan persekutuan.

Angka korban mencecah 273 orang dan jumlah kes disahkan sebanyak 8,356 dengan 7,367 kes

aktif. Pada Sabtu kes COVID-19 di negara ini berjumlah 7,529 dan kematian 242 orang. Ahad masuk hari ke-19 lockdown di seluruh negara yang akan tamat pada 14 April.

Pada Sabtu Perdana Menteri India Narendra Modi mengadakan

COVID-19 : Thailand catat 33 kes baharu, tiga kematian

BANGKOK, Ahad, 12 April. - Thailand telah mencatat 33 kes baharu jangkitan COVID-19, yang membabitkan tujuh doktor serta petugas perubatan, dan tiga lagi kematian menjadikan jumlah keseluruhan setakat ini ialah 2,551 dengan 38 kematian sejak penularan wabak itu pada Januari.

Ia adalah angka terendah jangkitan harian yang dicatat pada April dan menyaksikan kerosotan selama empat hari berturut-turut sejak sejumlah 111 kes dilaporkan pada 8 April.

Thailand telah mencatat peningkatan harian tertinggi pada 22 Mac dengan sejumlah 188 kes.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi Mengenai COVID-19 (CCSA) Thaweesilp Wissanuyothin berkata kematian terkini membabitkan dua lelaki rakyat Thailand berusia 74 dan 44 tahun serta seorang wanita berusia 65 tahun. Keadaan kesihatan ketiga-tiga mangsa sememangnya adalah kronik.

Sejak Thailand mengenakan perintah berkurung selama enam jam yang bermula dari 10 malam

hingga 4 pagi pada 3 April, beliau berkata angka kes baharu jangkitan COVID-19 yang dicatat di negara itu terus berkurangan kecuali jumlah 111 kes yang dilaporkan pada 8 April membabitkan 42 rakyat Thailand yang pulang dari Indonesia.

"Kita boleh mengawal situasi ini memandangkan orang ramai kini memberikan kerjasama yang baik bagi mengekang pandemik COVID-19. Bagaimanapun, kita tidak boleh leka. Kita perlu terus mengamalkan jarak sosial dan duduk di rumah," kata beliau semasa taklimat harian mengenai COVID-19 di sini hari ini.

Daripada sejumlah 2,551 kes COVID-19, 1,218 telah dibenarkan keluar hospital dan pulang ke rumah masing-masing.

Setakat ini, virus berbahaya itu telah tersebar ke 68 daripada 77 wilayah di negara itu dengan Bangkok mencatat jumlah kes paling tinggi dengan 1,294 diikuti Phuket (176), Nonthaburi (148), Samut Prakan (106), Yala (82) dan Pattani (77).

Sehingga hari ini, sejumlah 81



doktor dan kakitangan perubatan di negara itu telah dijangkiti COVID-19 sejak penularannya pada Januari.

Memandangkan tahun baharu tradisional Thailand bermula esok, Thaweesilp menggesa orang ramai mematuhi garis panduan dan langkah-langkah pencegahan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Oleh kerana kerajaan telah membatalkan sambutan Songkran tahun ini, beliau menggesa orang ramai agar tidak memercikkan air kepada orang lain kerana ia berisiko menyebarkan virus berbahaya itu.

Selain itu, Thaweesilp berkata sejumlah 72 wilayah di negara itu mengharamkan penjualan minuman beralkohol dalam usaha untuk tidak menggalakkan sambutan perayaan dan menghalang perhimpunan semasa Songkran.

Beliau berkata tindakan perundangan termasuk denda 100,000 baht dan penjara setahun akan dikenakan terhadap mereka yang menyertai perhimpunan sosial ketika Songkran. - ©BERNAMA

PKP: Kelantan sumbang keperluan asas kepada pengamal media

KOTA BHARU, 12 April - Kerajaan negeri Kelantan menyumbangkan keperluan asas seperti beras, gula dan minyak masak kepada pengamal media di negeri ini yang terbabit dalam tugas di lapangan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, pengorbanan petugas media yang bertugas di lapangan juga perlu dihargai.

"Diharap dengan adanya sedikit sumbangan daripada pihak kerajaan negeri ini dapat meringankan beban petugas media yang bertugas, terutamanya kepada mereka yang tidak berkesempatan untuk membeli barang keperluan akibat sibuk dengan tuntutan kerja," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, pengamal media di negeri ini hari ini turut menerima sumbangan sebanyak 330 ekor ayam mentah daripada syarikat pembekal ayam mentah Jukee Ayam.

Penyelia Syarikat Jukee Ayam, Mohamad Rozi Abdul Rahim berkata sumbangan berkeraian diagih bagi menghargai sumbangan pengamal media yang turut sama berkhidmat di barisan hadapan sepanjang PKP diukatkuasakan.

"Ada sesetengah pihak terlepas pandang mengenai kebijakan



PENYELIA Syarikat Jukee Ayam, Mohamad Rozi Abdul Rahim (kiri) menyampaikan sumbangan ayam kepada Timbalan Kelab Media Darul Aman(Kemudi) Zabidi Ishar (dua, kanan), yang menerima bagi Bernama Kelantan hari ini. Kelab Media Kelantan Darul Naim menerima sumbangan sebanyak 330 ekor ayam mentah daripada syarikat pembekal ayam mentah, Jukee Ayam. - ©BERNAMA

rakan media, jadi kita harap dengan adanya sumbangan ini sekurang-kurangnya ia dapat meringankan beban mereka terutamanya ketika tempoh yang sukar ini," katanya ketika ditemui pemberita pada program penyerahan ayam mentah untuk petugas media di Pejabat News Strait Times Press (NSTP) di sini, hari ini.

"Ada sesetengah pihak terlepas pandang mengenai kebijakan Presiden Kelab Media Kelantan

Darul Naim (Kemudi) Shahnon Hanif Abdullah Suhaimi menzhirkan rasa berterima kasih kepada Jukee Ayam atas sumbangan yang diberikan.

Wartawan sambilan, Nor Amalina Alias, 32, berkata sumbangan ini amat bermakna seperti yang hanya bergantung kepada komisen harian sebagai pendapatan. - ©BERNAMA

COVID-19: India catat 31 lagi kematian, 827 kes baharu

sidang video dengan ketua menteri bagi membincangkan strategi menangani COVID-19. Tiga buah negeri Maharashtra,

Telangana dan Barat akan dilanjutkan sehingga 30 April.

Terdahulu, tempoh lockdown di Odisha dan Punjab dilanjutkan, masing-masing sehingga 30 April dan 1 Mei. - ©BERNAMA

Kementerian Kesihatan terus terima sokongan padu



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan ketika menerima sumbangan daripada National Insurance Company Berhad yang diserahkan oleh Pengurus Am, Mr. Klaus Tomalia.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Dalam sama-sama membantu mencegah lagi penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda di negara ini, pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan tanpa henti menerima sokongan dan derma daripada pelbagai pihak dan syarikat-syarikat swasta.

Perkara ini sejajar dengan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak penderma dalam membantu lagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, acara penyampaian derma berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan dan VIP Holding Room, Kementerian Kesihatan, di mana National Insurance Company Berhad menyumbangkan cek berjumlah BND5,000 dan diserahkan oleh Pengurus Am, Mr. Klaus Tomalia dan turut dihadiri oleh Pengurus Sumber Manusia, Ms. Lee Ken. Bagi pihak Kementerian Kesihatan, sumbangan tersebut diterima oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman.

Seterusnya, Brunei Institution of Geomatics and ASEAN Valuers Association

menyumbangkan cek berjumlah BND1,300 dan diserahkan oleh Presiden, Awang Haji Ali Bakar bin Haji Kassim dan turut dihadiri oleh Naib Presiden, Awang Haji Salleh bin Haji Jalil bersama Setiausaha Agung, Awang Haji Mahadi bin Haji Md. Tahir.

Selain itu, Kementerian Kesihatan turut menerima sumbangan derma daripada C-Grand Trading yang menyumbangkan 50 karton tisu gulung dan diserahkan oleh Pengarah Urusan Syarikat, Awang Jeffery Ong bin Md. Aminurzaman yang turut dihadiri oleh Pengurus, Pengiran Abdul Rahim Damit.

Kemudian, Hani Marzuqi Car Rental Sdn. Bhd. menyumbangkan cek berjumlah BND1,000 dan diserahkan oleh Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin selaku wakil Pengerusinya, Pengiran Dato Paduka Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang.

Kemudian, Yusoki Sdn. Bhd. turut menyumbangkan cek berjumlah BND5,000 dan diserahkan oleh Pengarah, Tang Kee Huong, manakala Unicorp Sdn. Bhd. pula menyumbangkan cek berjumlah BND10,000 dan diserahkan oleh Pengarah Urusan, Lee Tek Lai.

Bagi pihak Kementerian Kesihatan, sumbangan-sumbangan berkenaan diterima oleh Pengarah Teknologi Penjagaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Hajah Saadiah binti Pengiran Muda Haji Hashim.

57 pain darah berjaya dikumpulkan



KEMPEN derma darah yang diadakan oleh Kementerian Tenaga melalui Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 April. - Kementerian Tenaga melalui Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS)

mengadakan Kempen Derma Darah yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Kempen derma darah ini bermatlamat untuk menyokong usaha-usaha pihak hospital dalam mengekalkan bekalan darah yang mencukupi. Sehubungan

itu, seramai 57 orang penderma darah, yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Tenaga, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES), Keselamatan, Kesihatan dan Environment National Authority (SHENA). Kempen tersebut berjaya mengumpul 57 pain darah dan diserahkan ke Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

Dalam memastikan lagi keselamatan para penderma dan kesemua pihak yang terlibat dalam kempen berkenaan, penjarakan sosial dilaksanakan semasa Kempen Derma Darah tersebut sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan sosial bagi membendung dan mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19.

Pihak Berkusa Petroleum merakamkan ucapan penghargaan kepada Pihak Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS dan penderma darah dalam sama-sama menjayakan lagi kempen berkenaan.

Kempen Derma Darah tersebut merupakan sebahagian daripada kempen yang dilaksanakan ke arah usaha membantu pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dalam menangani COVID-19 dan diselenggarakan oleh Kementerian Tenaga, DES dan SHENA juga Pihak Berkusa Petroleum Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERUSKAN LANGKAH BERJAGA-JAGA, JANGAN LALAI, LEKA

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

